A

MURUGAN ARUMUGAM lwn. PP

MAHKAMAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
ABDULL HAMID EMBONG HMP
AHMAD MAAROP HMP
HASAN LAH HMP
B
ZALEHA ZAHARI HMP
RAMLY ALI HMP
[RAYUAN JENAYAH NO: 05-158-07-2012(B)]
5 MAC 2014

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Membunuh – Kanun Keseksaan, s. 302 – Keterangan ikut keadaan – Mangsa meninggal dunia akibat kecederaan yang dialaminya semasa bekerja di rumah perayu – Sama ada perayu mempunyai niat untuk mencederakan mangsa sehingga menyebabkan kematiannya – Akuan nazak – Sama ada dibuat kepada saksi-saksi pada masa berlainan – Sama ada konsisten*
D *– Komunikasi perayu dengan peguamnya – Sama ada dilindungi di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 – Sama ada peguam dilantik atau bersetuju dilantik sebagai peguam kepada perayu – Sama ada keterangan isteri perayu di mahkamah diterima walaupun bercanggah dengan kenyataannya yang direkod semasa siasatan polis – Sama ada hukuman dijatuhkan berdasarkan keterangan ikut keadaan dan akuan*
E *nazak mangsa – Akta Keterangan 1950, s. 32(1)(a)*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Membunuh – Keterangan ikut keadaan – Mangsa meninggal dunia akibat kecederaan yang dialaminya semasa bekerja di rumah perayu – Sama ada hakim bicara khilaf apabila menerima keterangan peguam perayu – Sama ada komunikasi*
F *di antara perayu dan peguamnya dilindungi di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 – Sama ada keterangan isteri perayu di mahkamah diterima walaupun bercanggah dengan kenyataannya yang direkod semasa siasatan polis – Sama ada hakim bicara gagal menyatakan cabang manakah di bawah s. 300 Kanun Keseksaan perayu disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan – Sama ada hukuman yang*
G *dijatuhkan terhadap perayu dikekalkan*

Perayu dipertuduh membunuh pembantu rumahnya yang merupakan seorang warganegara Indonesia, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Berdasarkan fakta kes, sepanjang berada di rumah perayu, mangsa telah mengalami beberapa kecederaan yang serius di seluruh
H badannya. Pada 20 Oktober 2009, mangsa ditemui terkunci di dalam bilik air rumah perayu selama dua hari tanpa diberi sebarang makanan dan minuman. Pemeriksaan perubatan menunjukkan bahawa mangsa, antara lain, mengalami kecederaan di bahagian muka, mata, lutut, pinggang dan kesan calar dan lebam di keseluruhan tubuh badannya. Terdapat juga banyak
I kecederaan dan bekas luka di seluruh badan mangsa. Mangsa dibawa ke hospital dan selepas enam hari, beliau meninggal dunia. Sebelum kematiannya, mangsa telah, pada masa berlainan, memberi akuan nazak kepada enam orang, iaitu, SP2 (seorang peguam); SP6 (pembantu pegawai perubatan yang mengiringi mangsa dari rumah perayu ke hospital; SP14

(pegawai penyiasat); SP39 dan SP42 (pegawai-pegawai perubatan) dan SP43 (seorang pelatih yang mengiringi SP39 untuk memeriksa mangsa). Pihak pendakwaan bergantung kepada kenyataan nazak mangsa dan juga keterangan ikut keadaan untuk membuktikan bahawa mangsa meninggal dunia akibat kecederaan yang dialaminya. Mahkamah Tinggi mendapati perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Keputusan ini disahkan oleh Mahkamah Rayuan dan oleh itu, rayuan ini. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah (i) hakim bicara silap menerima keterangan akuan nazak mangsa sebagai asas sabitan; (ii) hakim bicara silap menilai dan menerima keterangan komunikasi di antara perayu dan SP2 yang dilindungi di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 memandangkan SP2 merupakan peguam perayu pada masa material; dan (iii) hakim bicara gagal menyatakan di bawah cabang s. 300 Kanun Keseksaan mana perayu disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan. Perayu juga menghujahkan bahawa hakim bicara dan Mahkamah Rayuan silap menerima sebahagian keterangan isteri perayu ('SP21'), iaitu, perayu memukul dan mengunci mangsa dalam tandas rumahnya, walaupun selepas mendapati keterangannya di mahkamah bercanggah dengan kenyataannya yang direkodkan oleh polis semasa penyiasatan. Maka, perayu menghujahkan bahawa keterangan SP21 sepatutnya ditolak secara keseluruhan.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Ramly Ali HMP menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Peruntukan undang-undang mengenai akuan nazak terkandung dalam s. 32(1) Akta Keterangan 1950. Mangsa membuat pernyataan kepada enam orang saksi tersebut tanpa paksaan atau kekeliruan. Walaupun pernyataan tersebut dibuat pada masa berlainan, namun, kesemua pernyataan tersebut adalah hampir serupa dan konsisten antara satu sama lain, iaitu, keseluruhan kecederaan yang dialami oleh mangsa sehingga menyebabkan kematiannya telah dilakukan oleh perayu. Keseluruhan penyataan tersebut menyokong antara satu sama lain. Dalam keadaan ini, akuan nazak mangsa adalah relevan dan boleh diterima sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 memandangkan pernyataan-pernyataan tersebut adalah mengenai sebab kematian dan/atau keadaan transaksi yang menyebabkan kematian mangsa. (perenggan 11, 15 & 17)

(2) Asas hubungan antara peguam cara dengan anak guamnya yang dilindungi di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 adalah hubungan di mana peguam cara tersebut dengan jelas dilantik oleh anak guamnya. Berdasarkan komunikasi perbualan telefon antara perayu dan SP2, tidak terdapat satu keadaan nyata yang menunjukkan bahawa SP2 telah dilantik atau setuju dilantik sebagai peguam kepada perayu. Tambahan, tiada petunjuk bahawa perbualan berkenaan dibuat oleh SP2 dalam kapasiti profesional beliau sebagai peguam yang dilantik secara khusus oleh perayu. Maka, komunikasi atau perbualan tersebut tidak layak mendapat perlindungan di bawah s. 126. (perenggan 20 & 24)

(3) Mahkamah ini menerima pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes ini. Adalah di bawah budi bicara hakim bicara untuk menilai keterangan SP21. Hakim bicara tidak tersilap dalam menerima dan menilai sebahagian keterangan lisan SP21 walaupun sebahagian daripada keterangannya yang bercanggah dengan kenyataannya kepada pihak polis tidak diterima selepas disoal balas di bawah s. 154 Akta Keterangan 1950. (perenggan 27 & 29)

(4) Keterangan ikut keadaan dinilai bersama-sama dengan keterangan penyataan akuan nazak yang dibuat oleh mangsa dan juga keterangan lisan SP21, setakat yang dinilai dan diterima oleh hakim bicara, menjurus hanya kepada satu kesimpulan, iaitu, perayu adalah orang yang bertanggungjawab melakukan segala kecederaan yang dialami oleh mangsa sehingga mangsa ditemui di dalam bilik air rumah perayu dan kecederaan-kecederaan tersebut telah menyebabkan kematian mangsa. (perenggan 31)

(5) Keterangan pegawai perubatan menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh mangsa bukan merupakan kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri. Sebaliknya, kecederaan tersebut telah disebabkan oleh penganiayaan dengan menggunakan objek tumpul melalui 'extreme physical violence' ke atas mangsa. Pembelaan perayu, setelah dinilai dengan semua keterangan saksi-saksi lain, termasuk keterangan penyataan akuan nazak mangsa, tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. (perenggan 32 & 38)

(6) Walaupun hakim bicara tidak mencatatkan s. 300(c) Kanun Keseksaan secara spesifik, namun, penjelasan beliau bahawa kecederaan yang dialami mangsa 'were sufficient in the ordinary course of nature to cause death especially if treatment was delayed' jelas menunjukkan bahawa sabitan ke atas perayu adalah di bawah 'limb (c)' kepada s. 300. Maka, sabitan ke atas perayu menepati peruntukan s. 300(c) Kanun Keseksaan. (perenggan 41 & 43)

(7) Berdasarkan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh mangsa serta senjata atau alat yang digunakan oleh perayu untuk tujuan itu, dapat dirumuskan bahawa perayu berniat untuk menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut ke atas diri mangsa dan kecederaan-kecederaan tersebut adalah 'sufficient in the ordinary course of nature to cause death'. Akibat sebenar mangsa meninggal dunia adalah disebabkan oleh kecederaan tersebut. Hakim bicara telah membuat penilaian sepenuhnya terhadap semua keterangan yang ada, terutamanya keterangan ikut keadaan dan akuan nazak mangsa dengan betul. Oleh itu, sabitan dan penghakiman di bawah s. 302 Kanun Keseksaan adalah betul dan disahkan. (perenggan 49 & 51)

***English** Headnotes*

The appellant was charged for murdering his maid who was an Indonesian citizen, an offence under s. 302 of the Penal Code. Based on the facts, whilst living in the appellant's house, the victim suffered serious injuries all over her body. On 20 October 2009, the victim was found locked inside a bath room located in the appellant's house for two days without food and drinks. Medical examination showed that the victim suffered, among others, injuries to her face, eyes, knees, waist and scratch marks all over her body. Scars and injuries were also found all over the victim's body. The victim was brought to the hospital and she passed away six days later. Prior to her death, the victim had, at different times, provided her dying declaration to six persons, *ie*, SP2 (a lawyer), SP6 (assistant medical officer who accompanied the victim from the appellant's house to the hospital), SP14 (investigating officer), SP39 and SP42 (medical officers) and SP43 (a trainee who accompanied SP39 to examine the victim). The prosecution relied on the victim's dying declaration and circumstantial evidence to prove that the victim died due to the injuries inflicted upon her. The High Court found the appellant guilty and sentenced him to death. The said decision was affirmed by the Court of Appeal and hence, this appeal. Among the issues raised were (i) the trial judge erred in admitting the victim's dying declaration as the main basis for the appellant's conviction; (ii) the trial judge erred in evaluating and admitting the communication that took place between the appellant and SP2, as it was protected under s. 126 of the Evidence Act 1950 since SP2 was the appellant's solicitor at the material time; and (iii) the trial judge failed to state under which limb of s. 300(c) of the Penal Code the appellant was convicted for the charges against him. It was also submitted that the trial judge and the Court of Appeal erred in admitting part of the appellant's wife's ('SP21') evidence, *ie*, that the appellant hit and locked the victim in the bath room, although after finding that her evidence in court contradicted with her recorded statement to the police during investigation. Hence, the appellant argued that SP21's evidence, as a whole, should not be admissible and ought to be rejected.

Held (dismissing appeal)
Per Ramly Ali FCJ delivering the judgment of the court:

(1) The provision in relation to dying declaration is provided under s. 32(1) of the Evidence Act 1950. The victim made her statement to the six witnesses without any force or confusion. Although the statement was made at different times, the statements made were almost similar and consistent, *ie*, the injuries suffered by the victim till the cause of her death was committed by the appellant himself. The witnesses' statements corroborated each other. In the circumstances, the victim's dying declaration was relevant and admissible as evidence under s. 32(1)(a) of the Evidence Act 1950 since the statements were in relation to the cause of her death and/or the transaction which resulted in her death.

(2) The basis of the relationship between a solicitor and his client which is protected under s. 126 of the Evidence Act 1950 is a relationship where the said solicitor is clearly appointed by his client. Based on the telephone conversation between the appellant and SP2, there was no express situation to show that SP2 was appointed or agreed to be appointed to act as a solicitor for the appellant. Besides, there was no indication to show that the said conversation was made by SP2 in his professional capacity as a solicitor who was appointed by the appellant. Hence, the said communication or conversation was not eligible to be accorded the protection under s. 126.

(3) This court applied the principle decided by the Court of Appeal in this case. It was within the trial judge's discretion to evaluate SP21's evidence. The trial judge did not err in admitting and evaluating part of SP21's oral evidence although a part of that evidence contradicted with her statement provided to the police was not accepted after cross-examination under s. 154 of the Evidence Act 1950.

(4) The circumstantial evidence evaluated together with the victim's dying declaration and the oral evidence of PW21, the part accepted by the trial judge, pointed to only one conclusion, *ie*, that the appellant was responsible for inflicting the injuries suffered by the victim until the victim was found in the bath room and the said injuries caused the victim's death.

(5) The medical officer's evidence showed that the injuries suffered by the victim were not self inflicted. In essence, the injuries were caused by abuse using a blunt object through extreme physical violence upon the victim. The appellant's defence, after being evaluated with the other witnesses' evidence, including the victim's dying declaration, failed to raise a reasonable doubt on the prosecution's case.

(6) Although the trial judge did not specifically state s. 300(c) of the Penal Code, the explanation provided by His Lordship clearly showed that the injuries suffered by the victim 'were sufficient in the ordinary course of nature to cause death especially if treatment was delayed' clearly showed that the appellant's conviction fell under limb (c) of s. 300. In the circumstances, the appellant's conviction was in line with the provision under s. 300(c) of the Penal Code.

(7) Based on the injuries suffered by the victim together with the tools or weapons used by the appellant, it can be concluded that the appellant had intention to inflict the injuries upon the victim and the said injuries were sufficient in the ordinary cause of nature to cause death. The actual cause of the victim's death was caused by the injuries itself. The trial judge had correctly evaluated all the evidence before the court, especially the circumstantial evidence and the victim's dying declaration. Thus, the conviction and judgment under s. 302 of the Penal Code was affirmed.

Kes-kes yang dirujuk:
Anda v. State of Rajasthan AIR 1966 SC 148 ***(dirujuk)***
D Yohannan v. State of Kerala AIR 1958 SC 207 ***(dirujuk)***
Idris v. PP [1960] 1 LNS 40 HC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No. 2) [1976] 1 LNS 184 ***(dirujuk)***
PP v. Nomezam Apandy Abu Hassan (No. 2) [2008] 7 CLJ 168 HC ***(dirujuk)***
Rajwant Singh v. State of Kerala AIR 1966 SC 1874 ***(dirujuk)***
V Ravi v. State of Kerala [1994] Cri LJ 162 ***(dirujuk)***
Virsa Singh v. State of Punjab AIR 1958 SC 465 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 112
Evidence Act 1950, ss. 32(1)(a), 126, 154
Penal Code, ss. 300(c), 302, 304

Sumber-sumber yang dirujuk:
Sarkar on Evidence, 16th edn ms 2196

Bagi pihak perayu - Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co
Bagi pihak responden - Kwan Li Sa; TPR

[Nota pengarang: Untuk kes Mahkamah Rayuan, sila lihat Murugan Arumugam v. PP [2013] 5 CLJ 69 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Ramly Ali HMP:

[1] Perayu, Murugan a/l Arumugam telah dituduh membunuh seorang bernama Muntik binti Hani (No. Pasport: AK 072947) di antara 18 Oktober 2009 hingga 20 Oktober 2009, di No. 11, Jalan Dato' Yusof Shahbudin 6, Taman Sentosa, Klang, Selangor, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Mahkamah Tinggi pada 19 Julai 2010 telah mendapati perayu bersalah di atas pertuduhan yang dikenakan, mensabitkan beliau dengan kesalahan tersebut; dan seterusnya menjatuhkan hukuman mati ke atas beliau. Mahkamah Rayuan pada 18 Julai 2012, telah menolak rayuan perayu, di mana sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan. Perayu selepas itu memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan tersebut.

Keterangan Kes Pendakwaan

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil 50 orang saksi untuk membuktikan pertuduhan terhadap perayu. Daripada keterangan saksi-saksi yang diterima oleh hakim bicara, fakta-fakta yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:

(a) mangsa, Muntik, seorang warganegara Indonesia, bekerja sebagai pembantu rumah di rumah perayu sejak hampir dua bulan sebelum tarikh kejadian;

A (b) di peringkat awal kehadiran mangsa di rumah perayu, beliau berada di dalam keadaan biasa (normal), tanpa sebarang kecacatan atau kecederaan yang nyata;

(c) sepanjang berada di rumah perayu, mangsa telah mengalami beberapa kecederaan yang serius di seluruh badan di mana pada 20 Oktober 2009
B mangsa telah ditemui terkunci di dalam bilik air di rumah perayu selama dua hari tanpa diberi makan dan minum;

(d) keadaan mangsa semasa ditemui adalah tersangat lemah dengan kecederaan antara lain, di muka dan mata, ulser di lutut kanan, lumpuh
C daripada pinggang ke bawah, kesan calar dan lebam (blue black) di keseluruhan tubuh badannya, dan retak (fracture) tulang 'rib', 'scapula' kanan, tulang 'ulna' kanan dan '12th thoracic scapula' yang mengakibatkan kecederaan kepada 'spinal cord';

(e) mangsa telah dibawa ke hospital, malangnya beliau meninggal dunia
D enam hari kemudian, pada 26 Oktober 2009, walaupun rawatan diberikan kepadanya;

(f) sebelum kematian, mangsa ada membuat 'dying declaration' kepada enam orang saksi yang telah memberi keterangan di mahkamah, menceritakan bahawa kecederaan-kecederaan yang beliau alami telah
E dilakukan oleh perayu yang selalu memukul beliau dengan kayu dan batang besi, tumbuk dan tendang di perut, belakang dan muka, mencukur rambut mangsa sehingga botak, disimbah dengan air panas dan akhirnya mengunci mangsa di dalam bilik air tanpa makan dan minum selama dua hari;

F (g) keterangan isteri perayu (SP21) menyatakan perayu telah mencukur botak rambut mangsa dan mengunci mangsa di dalam bilik air; dan

(h) pakar perubatan mengesahkan bahawa sebab kematian mangsa adalah "spinal injury due to blunt force trauma with septicemia due to right leg ulcer".
G

[3] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara setelah meneliti keseluruhan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi, telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu seperti pertuduhan.

H **Kes Pembelaan**

[4] Mengikut perayu, mangsa datang ke rumahnya kerana lari daripada majikannya yang terdahulu dan perayu membenarkan mangsa tinggal di rumahnya atas alasan kasihan dan perayu ingin mencuba membantu mangsa untuk pulang ke Indonesia.
I

[5] Mengikut perayu, semasa mula tiba di rumahnya, mangsa nampak lemah dengan berjalan pincang kerana 'ulcer' di kakinya dan terdapat kesan calar luka di mukanya. Rambut mangsa telah dicukur botak kerana terdapat banyak kutu.

[6] Perayu mengakui pernah memarahi mangsa kerana tidak menjalankan kerjanya dengan baik. Semasa ditemui di bilik air pada hari berkenaan, perayu mengatakan mangsa telah terjatuh semasa membersihkan tempat letak kereta dan perayu menyuruh mangsa ke bilik air untuk membersihkan 'ulcer' di kakinya.

Keputusan Hakim Bicara Dan Mahkamah Rayuan

[7] Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan kedua-dua pihak, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) terhadap perayu seperti pertuduhan dan mendapati perayu bersalah. Perayu telah dikenakan hukuman mati.

[8] Mahkamah Rayuan telah mengesahkan keputusan hakim bicara dan seterusnya menolak rayuan oleh perayu. Sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh hakim bicara dikekalkan.

Rayuan Di Mahkamah Persekutuan

[9] Di Mahkamah Persekutuan, peguam perayu telah menimbulkan isu-isu berikut:

(a) Hakim bicara telah silap menerima keterangan 'dying declaration' sebagai asas sabitan;

(b) Hakim bicara telah silap menerima keterangan komunikasi di antara perayu dengan peguam SP2;

(c) Hakim bicara telah silap menilai dan menerima keterangan isteri perayu (SP21);

(d) Mahkamah Rayuan dan hakim bicara telah gagal menilai dan memutuskan bahawa keseluruhan keterangan yang ada tidak membuktikan kesalahan membunuh ke atas perayu.

[10] Kes pendakwaan adalah berlandaskan 'dying declaration' oleh mangsa dan juga keterangan mengikut keadaan (circumstantial) untuk membuktikan pertuduhan ke atas perayu.

Akuan Nazak (Dying Declaration) – s. 32(1) Akta Keterangan 1950

[11] Peruntukan undang-undang mengenai akuan nazak (dying declaration) adalah terkandung dalam s. 32(1) Akta Keterangan 1950, yang memperuntukkan:

> (1) Statements, written or verbal, of relevant facts made by a person who is dead or who cannot be found, or who has become incapable of giving evidence, or whose attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to the court unreasonable, are themselves relevant facts in the following cases:

A

(a) when the statement is made by a person as to the cause of his death, or as to any of the circumstances of the transaction which resulted in his death, in cases in which the cause of that person' s death comes into question.

Such a statement is relevant whether the person who made it was
B or was not at the time when it was made under expectation of death, and whatever may be the nature of the proceeding in which the cause of his death comes into question.

[12] Prinsip mengenai 'dying declaration' ini pernah dinyatakan dalam kes *PP v. Nomezam Apandy Abu Hassan (No. 2)* [2008] 7 CLJ 168; [2008] 1 MLJ
C 681, di mana telah dinyatakan:

Section 32(1)(a) allows the admissibility of a dying declaration in criminal as well as civil cases, as expressly stated under the terms 'whatever may be the nature of the proceeding in which the cause of death comes into question'. A dying declaration under s. 32(1)(a) is relevant whether the
D person who made it was or was not, at the time when it was made, under expectation of death. Under s. 32(1)(a), the maker of a statement who is dead and the statement in the form of a dying declaration as to the cause of his death or circumstances of the transaction which resulted in his death are relevant and admissible. The circumstances must have some proximate relation to the actual occurrence. The transaction must relate
E to a set of facts pertaining to the death of the victim such as the time or place of his death or about meeting someone who may be the accused.

[13] Dalam kes sekarang mangsa telah ditemui di dalam bilik air di rumah majikannya (perayu) pada 20 Oktober 2009 dalam keadaan yang tenat. Beliau telah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah pada hari itu dan
F meninggal dunia enam hari kemudian pada 26 Oktober 2009. Sepanjang tempoh enam hari tersebut, mangsa telah membuat penyataan kepada enam orang saksi iaitu SP2, SP6, SP14, SP39, SP43 dan SP42. Kesemua saksi-saksi berkenaan memberi keterangan yang menunjukkan mangsa telah mengatakan kepada mereka bahawa kecederaan yang beliau alami telah dilakukan oleh
G perayu, sebagai majikan beliau.

[14] Enam orang saksi yang telah memberikan keterangan mengenai 'dying declaration' tersebut adalah seperti berikut:

(a) SP2 (Gerald Lazarus), seorang peguam yang menyatakan:

H I dont know who told her that I was the one who made the report. But she held my hand and told me terima kasih and kissed my hand. I asked her siapa yang buat. She said tuan yang buat. I then left the emergency ward.

(b) SP6 (Muhamad Sahid bin Abdul Karim) seorang pembantu pegawai
I perubatan yang mengiringi mangsa dari rumah perayu ke hospital telah memberi keterangan seperti berikut:

Saya ada tanya siapa yang pukul. Pembantu rumah berulang kali cakap, takut untuk beritahu. Selepas dipujuk baru diberitahu majikan yang pukul tetapi saya tidak tahu majikan lelaki atau perempuan.

(c) SP14 (Insp Mohd Azan) pegawai penyiasat yang telah merakamkan kenyataan mangsa di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah yang telah ditandakan sebagai eks. P78 semasa perbicaraan. Selain daripada eks. P78, SP14 di dalam keterangan lisannya menyatakan:

Saya tanya dia macam mana boleh jadi macam ini. Dia kata dia kena pukul. Saya tanya siapa yang pukul. Dia beritahu saya, "bapak". Peguam En Gerard pun ada tanya. Dijawab "tuan".

Saya dapati perempuan ini berada dalam keadaan yang lemah. Cakap pun slow. Saya tanya dia, "siapa nama kamu". Dia kata "Muntik binti Hani". Saya tanya lagi "kenapa kaki kamu boleh jadi macam ini." Dia beritahu saya dia kena pukul dengan bapak. Saya tanya mangsa "kena pukul dengan apa". Dia kata, yang dekat betis itu kena pukul dengan besi. Selepas itu saya tanya dia tangan berlipat macam ini kena pukul dengan apa, dia kata ""dengan batang penyapu."

"Pada masa itu keadaan dia agak lemah. Saya tanya dia lagi siapa yang pukul kamu. Dia beritahu saya bapak majikan lelaki dia. Dengan apa, dia cakap dengan besi. Lepas itu saya tanya majikan perempuan dia ada pukul dia. Dia kata kakak tidak pukul.

Saya tanya berapa lama dia sudah berada di Malaysia. Dia kata sudah 5 tahun. Saya tanya macam mana dalam tempoh 5 tahun dia boleh masuk dan berada di Malaysia. Lepas itu dia beritahu saya dia bekerja dengan satu perempuan Cina. Saya tanya dia siapa perempuan Cina itu dan di mana dia tinggal. Dia beritahu saya, saya tidak faham dia cakap apa. Saya tanya berapa lama dia dikurung dalam bilik air. Dia kata tidak silap, 2 hari 2 malam. Selepas itu saya tanya macam mana dia boleh berada dalam bilik air. Dia kata bapak angkat dia letak dalam bilik air.

Saya tanya lagi macam mana kamu boleh dapat kecederaan di bahagian kaki. Dia beritahu saya dia dipukul dengan besi. Saya tanya besi macam mana, bagaimana bentuk besi itu. Dia ada beritahu saya tetapi saya tidak faham, sebab dia cakap perlahan.

(d) SP39 (Dr Shujahtaa a/p MP Rajos) pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan, Hospital Tunku Ampuan Rahimah, Kelang, dalam keterangannya menyatakan:

Dia mengatakan bahawa majikan lelaki India telah memukulnya berulang kali dengan kayu. Tumbuk dan tendang ke bahagian perut, belakang dan mukanya. Dua bulan dia tinggal dengan majikan baru itu dan dipukul oleh majikan itu. Dia juga beritahu bahawa dia telah dibotakkan oleh majikan lelaki India itu.

A

> Dia juga mengatakan bahawa majikan lelakinya juga telah memukul kakinya dengan besi dan disimbah air panas. Selain itu, dia telah mengatakan bahawa dia telah dikurung dalam tandas dan tidak makan selama 2 hari. Saya juga tanya dia adakah dia dirogol oleh majikan lelaki dan diberitahu tidak.

B (e) SP42 (Dr Dinesh a/l Earnest Kunasingh) pegawai perubatan di Jabatan Orthopedik, Hospital Tunku Ampuan Rahimah, Kelang, memberi keterangan seperti berikut:

> Patient spoke in Malay. She had been working in Malaysia for 4 years. Currently works in a household of 4 people, (husband, wife, child and husband's mother). Stays in a single storey house. Alleged abuse by employer (the husband). Denied physical abuse by anyone else. Sustained multiple injuries for past 1 month to the face, lower back and lower limbs, injuries started in October. Alleged assault with metal object and broom. Allegedly locked up in bathroom for past two days with reduced oral intake.
>
> Patients history was documented in the patient's file.

C

D

(f) Akhir sekali, SP43 (Dr Urcilla Jaya) seorang pelatih di hospital yang sama yang telah mengiringi SP39 memeriksa mangsa dan merekodkan apa yang dinyatakan oleh mangsa mengenai sebab-sebab kecederaannya (rekod berkenaan adalah berdasarkan apa yang dinyatakan oleh mangsa kepada SP39, dan ditandakan sebagai P74 semasa perbicaraan).

E

[15] Semasa membuat penyataan-penyataan di atas, saksi-saksi mengesahkan bahawa mangsa adalah waras, sedar tentang keadaan sekeliling dan memahami apa yang dikatakannya. Mangsa juga telah membuat penyataan-penyataan tersebut tanpa paksaan atau kekeliruan (confusion). Penyataan-penyataan tersebut telah dibuat kepada enam orang saksi yang berlainan pada masa yang juga berlainan. Namun demikian kesemua penyataan-penyataan tersebut adalah hampir serupa dan konsisten antara satu sama lain iaitu keseluruhan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh mangsa yang mengakibatkan kematiannya telah dilakukan oleh perayu. Keseluruhan penyataan-penyataan tersebut menyokong (corroborated) antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, hakim bicara dan Mahkamah Rayuan adalah betul bila menerima sebagai keterangan penyataan-penyataan tersebut setelah mempercayai kesahihannya selaras dengan s. 32(1)(a) Akta Keterangan 1950. Tidak ada sebab keputusan itu perlu diganggu atau diubah oleh mahkamah ini.

F

G

H

[16] Selain daripada keterangan lisan yang diperolehi daripada saksi-saksi berkenaan semasa perbicaraan, penyataan-penyataan mangsa juga telah direkodkan secara bertulis oleh SP14 (pegawai penyiasat) di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah dan oleh SP43 (Dr Urcilla) berdasarkan apa yang dikatakan kepada SP39 seperti yang terkandung di dalam eks. P74. Kesemuanya menjurus kepada isi kandungan yang sama iaitu perayu adalah orang yang telah menyebabkan segala kecederaan yang dialami mangsa.

I

[17] Kami berpuas hati bahawa penyataan 'dying declaration' tersebut adalah relevan dan boleh diterima sebagai keterangan (admissible as evidence) di bawah s. 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 memandangkan penyataan-penyataan tersebut adalah mengenai sebab kematian dan/atau keadaan transaksi yang menyebabkan kematian mangsa (the cause of death or the circumtances of the transaction which resulted in the victim's death).

Seksyen 126 Akta Keterangan 1950

[18] Peguam perayu telah berhujah bahawa keterangan SP2 (Gerard Lazarus - seorang peguam) mengenai apa yang dikatakan oleh perayu kepada beliau tidak patut diterima memandangkan beliau pada masa yang material merupakan peguam (counsel) kepada perayu. Penyataan-penyataan tersebut mengikut peguam perayu adalah merupakan komunikasi anak guam kepada peguamnya dan tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> (1) No advocate shall at any time be permitted, unless with his client's express consent, to disclose any communication made to him in the course and for the purpose of his employment as such advocate by or on behalf of his client, or to state the contents or condition of any document with which he has become acquainted in the course and for the purpose of his professional employment, or to disclose any advice given by him to his client in the course and for the purpose of such employment.
>
> Provided that nothing in this section shall protect from disclosure:
>
> (a) any such communication made in furtherance of any illegal purpose;
>
> (b) any fact observed by any advocate in the course of his employment as such showing that any crime or fraud has been committed since the commencement of his employment.
>
> (2) It is immaterial whether the attention of the advocate was or was not directed to the fact by or on behalf of his client.

[19] Mengikut SP2, dalam keterangan beliau di mahkamah, perayu telah menelefon beliau pada malam 20 Oktober 2009 dan memberitahu bahawa beliau (perayu) bertanggungjawab menyebabkan kecederaan pembantu rumahnya (mangsa), di mana isterinya telah ditangkap polis dan perayu meminta nasihat SP2 tentang cara untuk melepaskan atau membebaskan isterinya. Keesokan harinya perayu menyerah diri kepada polis atas nasihat SP2.

[20] Asas hubungan di antara peguam cara dengan anak guamnya yang dilindungi di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950 adalah hubungan di mana peguam cara tersebut telah dengan jelas dilantik oleh anak guam tersebut. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu komunikasi anak guam dengan peguam cara boleh dilindungi di bawah s. 126 tersebut adalah seperti berikut:

A (a) anak guam telah memohon untuk mendapatkan nasihat guaman daripada peguam bela berkenaan;

(b) nasihat guaman yang dipohon dan komunikasi antara mereka diberikan dalam kapasiti profesional beliau sebagai peguam;

B (c) anak guam membuat komunikasi berkenaan kepada peguam untuk memohon dan mendapatkan nasihat guaman;

(d) anak guam membuat komunikasi berkenaan secara rahsia (in confidence);

(e) komunikasi berkenaan dilindungi sepenuhnya, dan berterusan melainkan perlindungan itu diketepikan (waived) oleh anak guam (lihat: *Sarkar on Evidence*, 16th edn ms. 2196 dan *V Ravi v. State of Kerala* [1994] Cri LJ 162).

C

[21] Dalam kes *V Ravi v. State of Kerala (supra)*, Mahkamah Tinggi Kerala, India telah menghuraikan peruntukan undang-undang yang sama dan memutuskan, antara lain:

D

> The very section would show that, the communication should have been made in the course and for the purpose of his employment as such barrister, pleader, attorney or vakkil on behalf of the client. The communication should have been while the relationship of attorney and client subsisted.

E

[22] Dalam kes sekarang, perayu mesti membuktikan:

(a) bahawa dengan komunikasi di antara SP2 dengan perayu pada malam 20 Oktober 2009, ternyata wujud perhubungan peguam cara (SP2), dengan anak guam (perayu) secara profesional di antara mereka;

F

(b) bahawa komunikasi di antara mereka atau nasihat yang dipohon oleh perayu daripada SP2 pada malam itu, boleh diklasifikasi termasuk dalam skop 'legal professional privilege';

(c) bahawa komunikasi tersebut tidak termasuk sebagai salah satu pengecualian (proviso) kepada s. 126 Akta Keterangan 1950.

G

[23] Untuk menentukan sama ada syarat-syarat di atas dipenuhi atau tidak, adalah perlu diteliti keterangan mengenai komunikasi atau perbualan telefon di antara perayu dengan SP2 pada malam 20 Oktober 2009 (seperti yang terdapat di ms. 136, vol. 2, rekod rayuan):

H

> At 11.30 at night, I received a phone call, on 20 October 2009, from a person who told me his name is Murugan. At the moment of time, I did not know who he was but he refreshed my memory as I've done a case for him two years ago. He asked me for a help as a lawyer. He told me that the police had gone to his house earlier in the same day and arrested his wife because she had locked her maid in the room. He also told me that the police had taken a lot of fireworks (bunga api) worth few thousand Ringgit. I told him no problem and I asked for the address. Upon seeing the address, then I discovered that was the person who made the report. I told him that and asked him what did he do to that

I

> lady. He replied that the lady was his maid. She was very disobedient and she had beaten his son and that is why he had beaten her. He asked for my advice as how to release his wife. I told him that it was a case of causing hurt, he should surrender himself to the police, cooperate with the police, he will be charged under section 326 and his wife will be released. He agreed and promised to meet me on 21 October 2009 outside the Klang police station at around 1.00 in the afternoon ...

[24] Daripada komunikasi atau perbualan di atas, tidak terdapat satu keadaan yang nyata yang menunjukkan SP2 telah dilantik atau setuju dilantik sebagai peguam kepada perayu. Tiada juga petunjuk bahawa perbualan berkenaan dibuat oleh SP2 dalam kapasiti profesional beliau sebagai peguam yang dilantik secara khusus oleh perayu. Atas alasan itu, mahkamah ini berpendapat, komunikasi atau perbualan tersebut bukan merupakan suatu perbualan 'privileged communication' dan tidak layak mendapat perlindungan di bawah s. 126 Akta Keterangan 1950.

Keterangan SP21 - Isteri Perayu

[25] Peguam perayu juga menimbulkan isu bahawa hakim bicara dan Mahkamah Rayuan telah silap dalam menerima sebahagian keterangan SP21 selepas SP21 diputuskan sebagai 'hostile witness', selepas pemeriksaan balas (cross-examination) di bawah s. 154 Akta Keterangan 1950. Peguam perayu menghujahkan bahawa keterangan SP21 sepatutnya ditolak secara keseluruhan (as a whole).

[26] Dalam kes ini, SP21, isteri perayu telah memberi keterangan yang bercanggah dengan kenyataan beliau yang direkodkan oleh polis semasa penyiasatan; dalam keterangan beliau di mahkamah, beliau mengatakan perayu tidak pernah mengenakan 'physical force' ke atas mangsa (the appellant did not ever assert any physical force towards the victim). Pihak pendakwaan memohon untuk memeriksa balas (cross-examine) SP21 di atas isu percanggahan ini. Hakim bicara tidak berpuas hati dengan penjelasan SP21 bila disoal balas dan memutuskan bahawa keterangan SP21 tersebut (setakat hanya yang bercanggah dengan kenyataan polis yang direkodkan), tidak diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan berkenaan. Namun demikian, hakim bicara terus menilai keterangan-keterangan lain yang diberikan oleh SP21 sepanjang perbicaraan (selain daripada yang didapati bercanggah) dan memutuskan bahawa mahkamah menerima keterangan SP21 yang mengatakan perayu telah memukul dan mengunci mangsa di dalam tandas di rumahnya.

[27] Mahkamah Rayuan dalam menerima dan mengesahkan keputusan hakim bicara mengenai perkara tersebut, memutuskan:

> On the 2nd ground of the mishandling of the evidence of PW21, we are of the view that the learned trial Judge is entitled to evaluate her evidence without impeaching her credibility. An impeachment proceeding is at the behest of the party who is faced with a hostile witness. In the case in hand it would be by the prosecution. It is in the records of proceedings that the prosecution, after confronting the witness with her earlier written

A statement, had decided not to proceed further with any impeachment proceedings (see page 399 of Appeal Records). A questioning of one's own witness under the provisions of Section 154 of the Evidence Act 1950 need not necessarily end up with an impeachment of the credibility of the witness. This is in line with the maxim: *'cujus est institucre ejus est abrogare'* (He that institutes may also abrogate). See also *Loganatha Venkatesan & Ors v. Public Prosecutor* [2000] 3 SLR 677.

B

Having said so, although there are some discrepancies in PW21's evidence, in the light of the prosecution not pursuing further with any impeachment, it is our judgment that it is within the learned trial judge's discretion to evaluate PW21's evidence. There is no reason to reject her evidence *in toto*. The learned trial Judge is entitled to reject part of PW21's evidence and accept the others upon careful consideration and after testing with all other available evidence adduced at the trial.

C

Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di atas.

D

[28] Prinsip yang sama telah diterima pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No. 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15, di mana telah diputuskan seperti berikut:

The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinise each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

E

F **[29]** Berlandaskan kepada prinsip undang-undang di atas, mahkamah ini mengesahkan bahawa hakim bicara tidak tersilap dalam menerima dan menilai sebahagian keterangan lisan SP21 walaupun sebahagian daripada keterangannya (yang bercanggah dengan kenyataannya kepada pihak polis) tidak diterima selepas disoal balas (cross-examined) di bawah s. 154 Akta G Keterangan 1950.

Keterangan Mengikut Keadaan (Circumstantial)

[30] Dalam membuktikan pertuduhan terhadap perayu, pihak pendakwaan bergantung dan berlandaskan kepada kekuatan keterangan mengikut keadaan (circumstantial) dan juga keterangan penyataan-penyataan 'dying declaration' H mangsa yang dibuat kepada enam orang saksi-saksi pendakwaan. Keterangan-keterangan ikut keadaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(a) mangsa meninggalkan rumah majikan terdahulunya (SP11) dan tinggal bekerja di rumah perayu pada bulan September 2009;

I (b) mengikut SP11 dan seorang lagi jiran (SP29), mangsa kelihatan normal tanpa sebarang kecederaan di badannya, semasa mereka nampak mangsa buat kali terakhir pada bulan September tersebut;

(c) sepanjang tinggal di rumah perayu, mangsa sering dilihat oleh jiran SP22 dan SP23 menyapu halaman rumah perayu; mengikut mereka, pada masa itu mangsa nampak normal dan rambut mangsa panjang hingga ke bahu;

(d) mengikut SP22, sehari sebelum Deepavali (yang jatuh pada 17 Oktober 2009) beliau nampak keadaan mangsa amat berbeza daripada apa yang dilihat pada bulan September; mangsa berjalan tempang (limping), muka mangsa bengkak dan berwarna hitam, kepalanya botak dan lutut kanannya berbalut dengan kain dan plastik; mangsa menutup mukanya bila melintasi rumah SP22. Juga sebelum Deepavali, SP22 dengar perayu memarahi (shouting) kepada mangsa dan mangsa merayu belas kasihan (begging for mercy);

(e) jiran SP23 memberi keterangan yang sama seperti SP22. Di samping itu, SP23 juga memberi keterangan bahawa beliau pernah nampak perayu memukul mangsa beberapa kali menggunakan batang penyapu (eks. P31) di halaman rumah perayu. SP23 juga mengesahkan bahawa keadaan mangsa adalah amat berbeza dengan apa yang beliau nampak pada bulan September sebelumnya;

(f) saksi SP30, pernah nampak perayu menendang mangsa di halaman rumahnya lebih daripada sekali pada bulan Oktober 2009 dan muka mangsa bengkak. SP30 juga nampak bagaimana kepala mangsa dibotakkan oleh perayu di halaman rumahnya;

(g) SP20 pula dalam keterangannya, mengesahkan bahawa mangsa nampak normal apabila dilihat beberapa kali pada awal bulan Oktober 2009; selepas itu SP20 nampak mangsa berjalan tempang (limping) dengan mukanya nampak bengkak dan kepalanya botak. SP20 juga mengesahkan bahawa selepas itu beliau pernah nampak mangsa merangkak (crawling) di kawasan dapur rumah perayu dan mangsa minta pertolongan daripada SP20;

(h) keterangan SP3 pula menyatakan bahawa pada 20 Oktober 2009, jam 11.30 pagi, semasa melawat isteri perayu di rumahnya sempena Deepavali, beliau hendak menggunakan bilik air (yang dikunci dari luar); apabila dibuka pintu bilik air tersebut, beliau lihat mangsa (yang botak kepalanya) dan diikat, berada di dalam bilik air tersebut dalam keadaan tertidur; SP3 terus meninggalkan rumah perayu dan menghubungi peguam SP2.

[31] Keterangan-keterangan di atas dinilai bersama dengan keterangan penyataan-penyataan 'dying declaration' yang dibuat oleh mangsa kepada enam saksi-saksi berkenaan dan juga keterangan lisan isteri perayu (SP21), (setakat yang telah dinilai dan diterima oleh hakim bicara) ada jelas menjurus kepada hanya satu kesimpulan (conclusion) bahawa perayu adalah orang yang bertanggungjawab melakukan segala kecederaan yang dialami oleh

mangsa sehingga mangsa ditemui oleh SP3 terkunci dan terikat di dalam bilik air di rumah perayu; dan kecederaan-kecederaan tersebut telah menyebabkan kematian ke atas mangsa pada 26 Oktober 2009.

[32] Dr Norliza binti Ibrahim (SP36) mengesahkan terdapat banyak kecederaan dan bekas luka (scar) di seluruh badan mangsa di mana kecederaan dan bekas luka (scar) tersebut berumur di antara beberapa hari ke satu minggu. SP36 juga mengesahkan tidak terdapat sebarang 'natural disease' dialami oleh mangsa yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada sebab kematian mangsa. SP36 juga mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami mangsa bukan merupakan kecederaan yang dilakukan sendiri (self-inflicted), sebaliknya telah disebabkan oleh penganiayaan (abuse) dengan menggunakan objek tumpul (blunt objects) melalui "extreme physical violence" ke atas mangsa.

[33] Undang-undang mengenai keterangan ikut keadaan adalah jelas. Ini pernah diputuskan dalam kes *Idris v. PP* [1960] 1 LNS 40; [1960] 1 MLJ 296 seperti berikut:

> In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all.

[34] Dalam kes sekarang, mahkamah ini berpuas hati bahawa keputusan hakim bicara dan Mahkamah Rayuan dalam memutus dan menerima pakai prinsip keterangan ikut keadaan adalah betul dan selaras dengan peruntukan undang-undang. Ini jelas daripada alasan penghakiman hakim bicara yang menyatakan:

> In applying the legal principles to the facts of this case, I find that the above circumstantial evidence amount to a series of unexpected coincidences that reasonably compels one conclusion ie, that the victim was injured by the accused in the manner and method as declared by the victim in her dying declaration and left in the toilet for 2 days. To conclude on the ingredient of *actus reus*, I am satisfied that the dying declaration and the circumstantial evidence have *prima facie* established that the victim was injured by the accused.

[35] Mahkamah ini juga bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan mengenai isu penerimaan keterangan ikut keadaan dalam kes ini. Ini jelas dinyatakan di ms. 87 (CLJ); ms. 22 (MLJ) alasan penghakiman, yang berbunyi:

> Coming back to circumstantial evidence in this case, we find that all other possibilities pertaining to the injuries sustained by the deceased has been eliminated. It is our judgment that all the available evidence had unerringly pointed to the guilt of the Appellant. We are satisfied that the guilt of the Appellant had been proven beyond reasonable doubt.

(See: *Jayaraman Veluyuthan & Ors v. Public Prosecutor* [1982] CLJ 464; *Chandmal & Anor v. State of Rajasthan* AIR [1970] SC 917 and *Dato' Mokhtar bin Hashim v. Public Proscutor* [1983] 2 CLJ 10).

[36] Daripada rekod rayuan dan nota keterangan, mahkamah ini berpendapat hakim bicara telah menilai sepenuhnya keterangan-keterangan dalam pembelaan perayu. Di ms. 969-972, jilid 9 rekod rayuan, hakim bicara telah dengan panjang lebar menganalisis keterangan pembelaan perayu dan menyatakan:

> I find that the version of events put forth by the accused are a bare denial and an afterthought which bears no merit worthy for consideration. There is no proof whatsoever to substantiate his version of events. In the words of Yusoff Mohamed J in *PP v. Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 at page 326 A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient.' The accused failed to raise any reasonable doubt to rebut the fact that the victim was injured by himself. The accused has merely testified to a series of concocted and incredible stories aimed at exculpating him from charge of murder. The fact that the prosecution has not called his mother to corroborate the testimony of his wife, PW21, does not create any break in the chain of evidence. The prosecution evidence is sufficient to establish the elements to murder against the accused. If the accused wishes to substantiate his version of events, it is upon him to call whomsoever including his own mother as a defence witness to corroborate his testimony. The accused has not done so and has merely raised a bare denial and an afterthought testimony for the court's consideration.

[37] Sehubungan dengan isu ini, mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan Timbalan Pendakwa Raya yang menyatakan:

> Overall, the learned trial judge had narrated and considered the Appellant's defence at great length before coming to a conclusion that the defence rendered was inherently improbable and not credible. Notwithstanding the discernible incredulity in the defence version of the Appellant, the trial judge gave the version it's most earnest consideration before coming to a conclusion that the version was essentially a bare denial. On the other way around, there is ample corroborative evidence against the Appellant and the prosecution case stood strong having proved beyond reasonable doubt.

[38] Pembelaan perayu setelah dinilai dengan semua keterangan saksi-saksi lain termasuk keterangan penyataan-penyataan 'dying declaration' mangsa, tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan mengikut pertuduhan.

Seksyen 300(c) Kanun Keseksaan

[39] Peguam perayu menghujahkan bahawa hakim bicara gagal menyatakan di bawah 'limb' manakah kepada s. 300 Kanun Keseksaan, perayu disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan; dan sehubungan itu beliau

menghujahkan keseluruhan keterangan dalam kes ini hanya membuktikan kesalahan 'manslaughter' di bawah s. 304 Kanun Keseksaan; bukan kesalahan 'murder' di bawah s. 302 Kanun yang sama.

[40] Hakim bicara, dalam penghakimannya tidak menyatakan secara spesifik bahawa perayu didapati bersalah di bawah 'limb (c)' kepada s. 300 Kanun Keseksaan. Perkataan "s. 300(c)" tidak dicatatkan. Namun demikian dalam penghakiman beliau (di ms. 964 rekod rayuan) beliau telah merujuk kepada keterangan SP36 dan menyatakan:

> SP36 has testified that although the older injuries would not result in instant death, the arising complications which stemmed from the older injuries were sufficient in the ordinary course of nature to cause death especially if treatment was delayed. I find that the very fact that the victim was left without food and water in the toilet for two days after the accused had attacked her is satisfactory evidence that treatment was delayed.

[41] Walaupun hakim bicara tidak mencatatkan "s. 300(c)" secara spesifik, namun penjelasan beliau bahawa kecederaan yang dialami mangsa "were sufficient in the ordinary course of nature to cause death especially if treatment was delayed" jelas menunjukkan bahawa sabitan ke atas perayu adalah di bawah 'limb (c)' kepada s. 300, yang menyatakan:

> (c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death;

[42] Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya secara spesifik jelas menyatakan:

> It is also our judgment that the offence of murder in this Appeal falls within the definition of section 300(c) of the Penal Code.

Dengan penjelasan di atas, adalah nyata hujahan peguam perayu mengenai perkara ini adalah tidak bermerit.

[43] Mahkamah ini berpuas hati bahawa sabitan ke atas perayu menepati peruntukan s. 300(c) Kanun Keseksaan yang menyatakan bahawa sesuatu 'culpable homicide' adalah 'murder' sekiranya "it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death."

[44] Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah wujudnya 'bodily injury' ke atas diri mangsa dan 'nature of the injury'. Ini perlu dibuktikan secara objektif. Selepas itu pihak pendakwaan mesti membuktikan niat (intention) oleh orang yang kena tuduh untuk menyebabkan 'bodily injury' berkenaan. Seterusnya, perlu dibuktikan pula bahawa 'bodily injury' yang diniatkan itu adalah "sufficient to cause death in the ordinary course of nature".

[45] Sekiranya kesemua elemen-elemen di atas dibuktikan oleh pihak pendakwaan, kesalahan yang terbukti ialah 'murder', bukan 'culpable homicide'. Hidayatullah J dalam kes *Anda v. State of Rejasthan* AIR 1966 SC 148 pernah menyatakan:

> The third clause views the matter from a general stand point. It speaks of an intention to cause bodily injury which is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. The emphasis here is on the sufficiency of the injury in the ordinary course of nature to cause death. The sufficiency is the high probability of death in the ordinary way of nature and when this exists and death ensues and the causing of such injury is intended the offence is murder. Sometimes the nature of the weapon used, sometimes the part of the body on which the injury is caused, and sometimes both are relevant. The determinant factor is the intentional injury which must be sufficient to cause death in the ordinary course of nature. If the intended injury cannot be said to be sufficient in the ordinary course of nature to cause death, that is to say, the probability of death is not so high, the offence does not fall within murder but within culpable homicide not amounting to murder or something less.

[46] Prinsip yang sama pernah diperjelaskan oleh V Bose J dalam kes *Virsa Singh v. State of Punjab* AIR 1958 SC 465 seperti berikut:

> All it means is that it is not enough to prove that the injury found to be present is sufficient to cause death in the ordinary course of nature; it must in addition be shown that the injury is of the kind that falls within the earlier clause, namely, that the injury found to be present was the injury that was intended to be inflicted. Whether it was suffient to cause death in the ordinary course of nature is a matter of inference or deduction from the proved facts about the nature of the injury and has nothing to do with the question of intention.

[47] Dalam kes yang sama *(Virsa Singh)*, hakim yang sama telah memberi penjelasan lanjut yang boleh dijadikan panduan, seperti berikut:

> To put it shortly, the prosecution must prove the following facts before it can bring a case under section 300 "thirdly"; First, it must establish, quite objectively, that a bodily injury is present;
>
> Secondly, the nature of the injury must be proved: These are purely objective investigations.
>
> Thirdly, it must be proved that there was an intention to inflict that particular bodily injury, that is to say, that it was not accidental or unintentional, or that some other kind of injury was intended.
>
> Once these three elements are proved to be present, the enquiry proceeds further and,
>
> Forthly, it must be proved that the injury of the type just described made up of the three elements set out above is sufficient to cause death in the ordinary course of nature. This part of the enquiry is purely objective and inferential and has nothing to do with the intention of offender.

A Once these four elements are established by the prosecution (and, of course, the burden is on the prosecution throughout) the offence is murder under s. 300, "thirdly". It does not matter that there was no intention to cause death. It does not matter that there was no intention even to cause an injury of a kind that is sufficient to cause death in the ordinary course of nature (not that there is any real distinction between
B the two). It does not even matter that there is no knowledge that an act of that kind will be likely to cause death. Once the intention to cause the bodily injury actually found to be present is proved, the rest of the enquiry is purely objective and the only question is whether, as a matter of purely objective inference, the injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. No one has a licence to run around inflicting injuries that
C are sufficient to cause death in the ordinary course of nature and claim that they are not guilty of murder. If they inflict injuries of that kind, they must face the consequences; and they can only escape if it can be shown, or reasonably deduced that the injury was accidental or otherwise unintentional.

D **[48]** Dalam kes *Rajwant Singh v. State of Kerala* AIR 1966 SC 1874, Hidayatullah J sekali lagi menjelaskan prinsip mengenai s. 300(c) seperti berikut:

The third clause discards the test of subjective knowledge. It deals with acts done with the intention of causing bodily injury to a person and the
E bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. In this clause the result of the intentionally caused injury must be viewed objectively. If the injury that the offender intends causing and does cause is sufficient to cause death in the ordinary way of nature the offence is murder whether the offender intended causing death or not and whether the offender had a subjective
F knowledge of the consequences or not. As was laid down in *Virsa Singh v. State of Punjab* [1958] SCR 1495: (AIR 1958 SC 465) for the application of this clause it must be first established that an injury is caused, next it must be established objectively what the nature of that injury in the ordinary course of nature is. If the injury is found to be sufficient to caused death one test is satisfied. Then it must be proved that there was
G an intention to inflict that very injury and not some other injury and that it was not accidental or unintentional. If this is also held against the offender, the offence of murder is established.

[49] Dalam kes sekarang dengan meneliti kecederaan-kecederaan yang telah disebabkan oleh perayu ke atas diri mangsa serta senjata atau alat yang
H digunakan oleh perayu untuk tujuan itu dan cara mana dan di bahagian mana badan mangsa kecederaan-kecederaan dilakukan, dapat dirumuskan bahawa perayu berniat (intended) untuk menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut ke atas diri mangsa; dan mengikut keterangan SP36, kecederaan-kecederaan tersebut adalah "sufficient in the ordinary course of nature to
I cause death" dan akibat sebenarnya mangsa telah meninggal dunia adalah disebabkan kecederaan-kecederaan tersebut. Dalam keterangannya, SP36 menyatakan:

> Dalam keadaan-keadaan biasa patah tulang belakang seperti yang dialami boleh menyebabkan kematian, tetapi selalunya bukan serta merta. Seseorang yang patah tulang belakang seperti si mati akan mati apabila komplikasi timbul.

[50] Kesimpulan yang diberikan oleh SP36 di dalam kes ini adalah selaras dengan keputusan Raman Nayar J di dalam kes *D Yohannan v. State of Kerala* AIR 1958 SC 207 yang menyatakan:

> There is no indication of any unexpected intervention, and as observed by Mayne at page 469 of his *Criminal Law of India*, 4th Edn., "any act is said to cause death within the meaning of S.299, when the death results either from the act itself or from some consequences necessarily or naturally flowing from that act, and reasonably contemplate as its result." Where without the intervention of any considerable change of circumstances the death is connected with the act of violence by a chain of causes and effects, the death must be regarded as a proximate and not too remote a consequence of the act of violence.

[51] Setelah meneliti nota keterangan dan alasan-alasan penghakiman hakim bicara dan Mahkamah Rayuan, mahkamah ini berpuas hati bahawa hakim bicara telah membuat penilaian sepenuhnya terhadap semua keterangan yang ada, terutamanya keterangan ikut keadaan dan 'dying declaration' oleh mangsa, dengan betul dan saksama bagi kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan; dan dengan itu telah mencapai keputusan yang tepat dan betul berdasarkan kedudukan undang-undang yang terpakai. Tiada kesilapan yang dilakukan oleh hakim bicara mahupun Mahkamah Rayuan. Oleh itu, sabitan dan penghakiman di bawah s. 302 Kanun Keseksaan adalah betul dan disahkan.

Penutup

[52] Berdasarkan alasan-alasan dan pertimbangan di atas, mahkamah ini menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah diputuskan oleh hakim bicara.